



<b>1. JAWATAN</b>	<b>: PEGAWAI PELAJARAN UGAMA KANAN</b>
<b>KEMENTERIAN/JABATAN</b>	<b>: BAHAGIAN KEMAJUAN SYIAR ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA</b>
<b>BAHAGIAN</b>	<b>: II</b>
<b>TANGGAGAJI</b>	<b>: G.15 (\$3,880 - \$4,240 SEBULAN)</b>
<b>KEKOSONGAN</b>	<b>: SATU (1)</b>

#### **KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.  
ii) Sedang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 EB.3 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

#### **ATAU**

- b) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji B.2 atau tanggagaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PELAJARAN UGAMA KANAN:**

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam.
2. Membantu ketua mengurus dan menyelaras kewangan Bahagian.
3. Merancang perbelanjaan tahunan Bahagian.
4. Bertanggungjawab dalam pembelian, penyimpanan dan penghapusan peralatan pejabat.



5. Memproses pengurusan sebut harga, tawaran, P.O. L.O.A, tuntutan dan pembayaran.
6. Membuat dan mengemaskini rekod perbelanjaan BKSI, KHEU dari semasa ke semasa.
7. Merancang penyediaan keperluan dan logistik Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara seperti *backdrop*, pentas, *billboard*, *banner*, *walkie talkie* dan seumpamanya serta menyelaras tempat-tempat pemasangan dan memastikan pemasangannya.
8. Menyelaras penghantaran wakil negara ke pertandingan-pertandingan di luar negara dan persediaan menyambut ketibaan balik.
9. Menyelaras rancangan latihan pegawai dan kakitangan.
10. Menjadi urusetia Jawatankuasa Kerja Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara serta acara iringan Peringkat Negara dan Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.
11. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Bahagian dari semasa ke semasa.